

# Saya tidak dapat baca hati orang — PM

UM 27 AUG 2001

Oleh  
NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 26 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau memberi peluang kepada semua orang termasuk musuh politiknya menyertai perjuangan UMNO tanpa dapat membaca hati sesetengah daripada mereka yang berniat memperalatkan parti untuk kepentingan sendiri.

Perdana Menteri mengakui sebagai manusia biasa kadangkala beliau membuat silap termasuk membawa masuk mereka yang tidak ikhlas ke dalam parti tanpa mengetahui niat mereka di sebalik hasrat menyertai UMNO.

“Saya manusia biasa kadang-kadang saya buat silap, saya tak tahu, saya

terima mereka masuk dalam UMNO, jadi rakan saya, banyak orang yang bermusuh dengan saya, dan ramai daripada mereka benar-benar ikhlas untuk menyertai UMNO dan majukan perjuangan UMNO,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Ekspo Internet Tamil Sedunia 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

## Mengulas

Perdana Menteri ditanya mengenai kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin bahawa kesilapan terbesar Dr. Mahathir adalah membawa masuk anasir revolusioner ke dalam UMNO yang tidak menjiwai jati diri parti itu.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau menerima setiap orang yang ingin menyertai UMNO dengan harapan mereka akan menunjukkan kesetiaan kepada parti dan akan melangsungkan perjuangannya.

“Rupa-rupanya ada orang yang memperalatkan UMNO untuk kepentingan kumpulan, daripada satu segi saya salahlah tapi saya cuma nak bagi peluang kepada semua termasuk musuh UMNO supaya dapat menyertai UMNO dan meneruskan perjuangan UMNO dan dapat membangunkan negara,” katanya.

Dengan nada kesal, katanya, ada juga yang menyertai UMNO kerana pada pendapat mereka UMNO boleh dijadikan alat untuk mencapai cita-cita besar.

Beliau berkata, adalah su-

kar untuk menentukan sama ada mereka yang menyertai UMNO pada masa ini akan menjadi pembelot untuk

tempoh 15 tahun akan datang.

Menurut beliau, ada orang yang meninggalkan UMNO

untuk menyertai parti lain kemudian rujuk balik ke dalam UMNO dan berjanji akan setia kepada parti.